



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
Jalan Bukit Kecil
20604 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman

Tel. : 09-621 3000/3001
Faks. (Fax) : 09-622 7207/09-623 8415
Laman Web : jpnterengganu.moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNT.SPM.UHEM.800-3/1/1 Jld.23 (28)
Tarikh : 22 Februari 2026

Pengetua dan Guru Besar,
Sekolah Negeri Terengganu

Tuan,

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KELAB PENCEGAHAN JENAYAH SEKOLAH NEGERI TERENGGANU 2026

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Unit Hal Ehwal Murid, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) komited dalam pelaksanaan Kelab Pencegahan Jenayah Sekolah Negeri Terengganu selaras dengan usaha mengurangkan salah laku yang melibatkan pelajar sekolah.

3. Sehubungan dengan itu, susulan taklimat penataran Garis Panduan Pelaksanaan Kelab Pencegahan Jenayah Sekolah yang lalu, Unit HEM, Sektor Pembangunan Murid, JPNT telah menyediakan garis panduan info grafik sebagai rujukan pihak sekolah sebagaimana **Lampiran A** dan **Lampiran B** bagi menjayakan inisiatif berkenaan.

8. Sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas, pihak tuan boleh menghubungi **YM Tengku Mohd Majid bin Tunku Mahmud, Penolong Pengarah Hal Ehwal Murid, Sektor Pembangunan Murid** dan boleh dihubungi di talian **019-2637950**.

Kerjasama dan keprihatinan tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MEMACU PRAKARSA PENDIDIKAN"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


Saya yang menjalankan amanah,

KAMSAH@KAMAL BIN MOHAMED, P.J.C
Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

s.k.

Timbalan Pengarah Pendidikan, Sektor Pembangunan Murid
Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Terengganu
Ketua Polis Terengganu
(U.P: Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti)

- Makluman tuan
- Makluman tuan
- Makluman tuan



Struktur Organisasi Jawatankuasa Kerja Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ)

HIERARKI JAWATANKUASA KERJA KPJ



Penaung (Pengetua)



Penasihat
(PK HEM & PPS)



**PENGURUSAN
OPERASI**

Guru Penasihat
2 Guru Disiplin



JAWATANKUASA PELAJAR



Pengerusi



Naib Pengerusi



Setiausaha



Bendahari



Pen. Setiausaha



AJK
(5 Orang)



Pemeriksa Kira-kira
(2 Orang)

FUNGSI & FOKUS UTAMA



PELAKSANA PROGRAM KPJ BERFOKUS

Menjalankan aktiviti pencegahan jenayah diintegrasikan dalam kokurikulum sekolah.



KEPIMPINAN PELAJAR

Mengupayakan kepimpinan murid melalui penglibatan aktif.



PEROLEHAN MARKAH PAJSK TINGGI

Bagi menjamin perolehan markah PAJSK yang tinggi.

Permufakatan PDRM Bersama Sk Kubang Ikan

Sempena Majlis Pewartikahan Pemimpin Pelajar 2026

Dengan kerjasama Kelab Pencegahan Jenayah



Pelantikan Rasmi

Upacara pengiktirafan barisan kepimpinan murid SK Kubang Ikan.



Jalinan Permufakatan Strategik Bersama PDRM

Memperkukuh hubungan antara pihak polis dan warga sekolah.



Kerjasama Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ)

Usaha bersepadu dalam membentuk disiplin dan jati diri pemimpin muda.

[LOGO:
Sekolah]

[LOGO:
PDRM]

[LOGO:
KPJ]

[TARIKH]

[MASA]

Nota:

Sebarang program yang melibatkan pihak PDRM hendaklah dinyatakan “ **Permufakatan PDRM Bersama SEKOLAH** ” pada banner dan lain-lain yang berkaitan. Sebarang program yang berkaitan sahshiah dinyatakan dengan “ **Kerjasama Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ)** ”.